


1

KSSM

Berdasarkan

Bahasa Melayu (02)



3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

MODEL

Scan 3 Soalan 1-15
(42 worksheet)

SET 3

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK Tingkatan 1

Bahasa Melayu (02/1)

1 jam 30 minit

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 15	15	
B	1	2	
	2	2	
	3	4	
	4	2	
	5	10	
	6	10	
C	1	15	
Jumlah		60	

BAHAGIAN C

[15 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kesan buruk penggunaan media sosial terhadap remaja**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Media sosial dan remaja sudah tidak dapat dipisahkan pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana media sosial telah menjadi sebahagian daripada keperluan dalam kehidupan harian remaja. Remaja semakin terdedah kepada pelbagai bentuk komunikasi dan maklumat yang wujud di media sosial seperti Facebook, TikTok, Instagram, dan lain-lain.

Penggunaan media sosial secara tidak terkawal boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan mental dan emosi remaja. Satu daripada kesan tersebut ialah ketagihan terhadap media sosial. Remaja yang terlalu kerap menggunakan media sosial mungkin sukar menumpukan perhatian pada pelajaran dan aktiviti fizikal. Akibatnya, prestasi akademik mereka akan merosot. Mereka juga berisiko mengalami tekanan emosi seperti kemurungan, kebimbangan, dan masalah imej diri. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan remaja cenderung untuk membandingkan diri mereka dengan individu lain yang kelihatan lebih berjaya atau lebih menarik di media sosial.

Kesan lain yang semakin merunsingkan ialah wujudnya gejala buli siber. Media sosial memberi peluang kepada remaja untuk menyebarkan kebencian atau fitnah apabila mereka berdendam terhadap seseorang. Remaja yang menjadi mangsa buli siber pula mungkin akan mengalami masalah kejiwaan yang serius. Dalam kes yang lebih membimbangkan, remaja sanggup bertindak di luar kawalan, termasuklah melakukan perbuatan yang boleh meragut nyawa sendiri. Selain itu, media sosial turut mendedahkan remaja kepada kandungan yang tidak sesuai seperti pornografi, keganasan, dan maklumat palsu yang boleh mempengaruhi pemikiran serta tingkah laku mereka.

[15 markah]

KERTAS UJIAN TAMAT

SET 3 K1 – 12